

SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/02/07_05 (HQ)

TNB SASAR KEJUARAAN BERGANDA LIGA HOKI TNB MHL

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengamanahkan pasukan hoki TNB agar mengulangi pencapaian 20 tahun lalu, kejuaraan berganda Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) bermula 9 Februari ini.

Dato' Indera Ir. Baharin Din melontarkan cabarannya sebagai sasaran realistik kepada pasukan bakal dibarisi 100 peratus pemain tempatan itu, di majlis penyerahan jersi pasukan TNB dan TNB Thunderbolts di Ibu Pejabat TNB, di Bangsar hari ini.

“Kami akan turun untuk mempertahankan kejuaraan keseluruhan Piala TNB, justeru adalah logik kami menambah sasaran lebih baik turut merangkul piala liga. Lagi pun sudah 20 tahun TNB tidak menikmati kemenangan berganda ini,” katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB, Ahmad Hushairi Ibrahim.

TNB tidak pernah gagal menyertai TNB MHL sejak diperkenalkan pada 1987 dan dua kali meraih kemenangan berganda pada musim 1991-1992 dan 2003. Perjuangan TNB seterusnya menjadi getir apabila pasukan-pasukan bertanding dibenarkan mendapat khidmat pemain import termasuk Terengganu Hockey Team (THT) yang menjuarai liga musim lalu.

TNB yang kekal mengharungi cabaran dengan pemain-pemain tempatan bagaimanapun berjaya menumpaskan THT 3-2 dalam perlawanan akhir kejuaraan keseluruhan Piala TNB musim lalu.

Musim ini, TNB lebih awal berpeluang memburu kejuaraan apabila memulakan perjuangan dengan bertemu THT dalam perebutan Piala Sumbangsih di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil pada 9 Februari.

“Tiada kurangnya pasukan TNB berbanding pasukan lain. Berbekalkan semangat Piala Dunia baru-baru ini, tidak mustahil Piala Sumbangsih boleh menjadi milik kami. Jika itu dapat dicapai ia juga menjadi permulaan yang baik musim ini,” kata Baharin merujuk kepada hakikat pemain-pemain TNB adalah tonggak pasukan Piala Dunia.

Persembahan membanggakan pasukan negara sebelum tersekat ke suku akhir Piala Dunia, di Bhubaneswar - Rourkela, India bulan lalu, diperkuatkan oleh sembilan pemain TNB iaitu Faiz Helmi Jali, Aminuddin Zain, Ramadan Rosli, Firhan Ashari, Amirul Hamizan Azhar, Norsyafiq Sumantri, Shahril Saabah, Najib Abu Hasan dan Tengku Nasrol Ikmal Hakimie.

S.A. 2023/02/07_05 (HQ)

Ketua Jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin menyifatkan persembahan di persaingan tertinggi Piala Dunia mampu meningkatkan keupayaan dan kematangan pemain TNB untuk digarap dalam persaingan tempatan.

“Saya merasakan kali ini boleh menjadi musim lebih baik kepada TNB. Berdasarkan prestasi semasa, TNB berada dalam kedudukan terbaik untuk merangkul kejuaraan liga selepas kali terakhir memenangnya pada tahun 2010,” kata bekas kapten pasukan kebangsaan itu.

Lapan pasukan akan bersaing dalam kategori lelaki TNB MHL iaitu TNB, THT, Maybank, Nurinsafi Sporting, Universiti Teknologi Mara (UiTM) HA, TNB Thunderbolts dan Young Tigers serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menjadi muka baru musim ini.

Kategori wanita pula melibatkan saingan enam pasukan iaitu KPT-Uniten Thunder, Negeri Sembilan, Mutiara Impian-MSSPP-PSHA, TLHT-MSNT, Young Tigress dan CS Hockey Team.

Format TNB MHL tahun ini akan dilangsungkan secara pertandingan liga dua pusingan (home away) dengan pasukan yang berada di tangga teratas liga akan muncul selaku juara.

Bagi Piala TNB (kategori lelaki) dan Piala Vivian May Soars (wanita), empat pasukan teratas liga akan berentap dalam perlawanan separuh akhir, juga secara timbal balik bagi penentuan kemaraan ke perlawanan akhir.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Februari 2023, jam 3:00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Fazreen Eksan 019-3160401 atau emel kami: media@tnb.com.my*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tengah) bersama sebahagian pemain TNB yang akan beraksi di TNB Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2023 bermula 9 Februari ini.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din



Barisan pemain TNB yang akan beraksi di TNB Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2023 bermula 9 Februari ini.

SENARAI PEMAIN TNB SEMPENA TNB LIGA HOKI MALAYSIA 2023
9 Februari – 19 Mac 2023

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	SAMSUL ARIFFIN BIN ZAINUDDIN	Pengurus / Manager
2.	MOHD MADZLI IKMAR BIN MOHD NOR	Penolong Pengurus / Asst. Manager
3.	NOR SAIFUL ZAINI BIN NASIRUDDIN	Jurulatih / Head Coach
4.	MUHAMAD AZAMMI BIN ADABI	Penolong Jurulatih / Asst. Coach
5.	LING SIN YONG	Doktor/ Fisio/ Massuer
6.	MUHAMMAD HAIRI BIN ABD RAHMAN (GK)	Pemain
7.	MUHAMMAD HAMIZ BIN MOHD AHIR (GK)	Pemain
8.	MUHAMMAD NAJIB B. ABU HASSAN	Pemain (National Player – World Cup)
9.	SHAZRIL IRWAN B. NAZLI	Pemain
10.	FAIZ HELMI B. JALI	Pemain (National Player – World Cup)
11.	MUHAMAD AMINUDIN B. MOHD ZAIN	Pemain (National Player – World Cup)
12.	SYED MOHAMAD SYAFIQ B. SYED CHOLAN	Pemain
13.	MUHAMAD RAMADAN B. ROSLI	Pemain (National Player – World Cup)
14.	MUHAMMAD FAHMI BIN KHALID	Pemain
15.	NORSHAFIQ BIN. SUMANTRI	Pemain (National Player – World Cup)
16.	TENGKU NASRUL IKMAL HAKIMIE BIN TENGKU ABD RAHIM	Pemain (National Player – World Cup)
17.	MUGNI BIN MOHAMAD KAMAL	Pemain
18.	AZRIL BIN MISRON	Pemain
19.	MUHAMMAD SHAHRIL B. SAABAH	Pemain (National Player – World Cup)
20.	MUHAMMAD AZRAI AIZAD B. ABU KAMAL	Pemain
21.	FIRHAN B. ASHAARI	Pemain (National Player – World Cup)
22.	MUHAMMAD AMIRUL HAMIZAN BIN AZAHAR	Pemain (National Player – World Cup)
23.	MUHAMMAD AMIRUL HANIF BIN MAMAT	Pemain
24.	MUHAMAD HAFIZ BIN ZAINOL	Pemain
25.	MUHAMMAD AZRI BIN HASSAN	Pemain
26.	MUHAMMAD DANISH DANIAL BIN ABDUL WAHAB	Pemain

SENARAI PEMAIN TNB THUNDERBOLTS SEMPENA TNB LIGA HOKI MALAYSIA 2023
9 Februari – 19 Mac 2023

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	WAN HAIRUL RAZLI B. WAN AHMAD KUSHAARI	Pengurus / Manager
2.	NOR AZLAN B. BAKAR	Penolong Pengurus / Asst. Manager
3.	KALISWARAN A/L MUNIANDY	Jurulatih / Head Coach
4.	WAN MOHD ROSLAN B. WAN ABDUL RAHMAN	Penolong Jurulatih / Asst. Coach
5.	MOHD FAIRUZ B. RAMLI	Penolong Jurulatih / Asst. Coach
6.	THARMAPALAN A/L KASIPILLAI	Doktor/ Fisio/ Massuer
7.	NORIQMAL DANISH B. NORHASHIMI (GK)	Pemain
8.	AKMAL B. AZAMAN	Pemain
9.	MOHAMAD HAZIM B. MOHD AHIR	Pemain
10.	MUHAMAD KHUSYAIRI B. ZULKEPLI	Pemain
11.	MUHAMAD LUQMAN B. FAUZI	Pemain
12.	MOHAMAD REDZUAN B. NOR MOHAMAD	Pemain
13.	NORHIZZAT B. SUMANTRI	Pemain
14.	MUHAMMAD ADAM ASHRAF B. MOHD JOHARI	Pemain
15.	MOHAMMAD HAIKAL B. MOHAMMAD HISHAM	Pemain
16.	MUHAMMAD ZAFRI AFIQ B. NOR AZLAN	Pemain
17.	MUHAMMAD IRFAN SHAH B. SHAHRUDIN	Pemain
18.	MUHAMMAD MIFZAL B. KAIRUL AMINI	Pemain
19.	NIK ASHARUDDIN B. NIK AHAMAD	Pemain
20.	MUHAMMAD SYAZWAN SHAH B. MOHD SHAHRUL	Pemain
21.	MUHAMMAD NABIL IRFAN B. MOHD YUSOF	Pemain
22.	MUHAMMAD RUSYAIID B. MOHAMAD RIZAL (GK)	Pemain
23.	DISAIRUL FAZRIEN B. MUHAMMAD NAZRIEN	Pemain
24.	SHAFIQ HAKIMI B. SHAHIDAN	Pemain
25.	MUHAMAD HAFIZAL B. HALMI	Pemain
26.	MUHAMMAD MUHIBUDDIN B. MOHARAM	Pemain